



Ruj Kami : 100-PTAR (JAU. 6/7/2)  
Tarikh : 21 Mac 2016

Kepada Semua

Rektor Kampus  
Dekan Fakulti  
Ketua Jabatan/Bahagian  
Ketua Pusat/Unit

YBhg. Dato' /Datin Paduka/Prof/Tuan/Puan

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PENJAWAT AWAM BERKENAAN  
DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan Buku Arahan Keselamatan sebagai rujukan semua penjawat awam dalam urusan Dokumen Rasmi Terperingkat. Perkara 79 mukasurat 21 di dalam buku tersebut menyatakan bahawa:

*Sebagai satu lagi peraturan mencegah, tiap-tiap penjawat awam dalam perkhidmatan sementara atau tetap yang memilikannya mengetahui perkara terperingkat adalah dikehendaki menandatangani satu borang akuan seperti diampiran 'D' sebelum mereka dibenarkan mengetahuinya. Borang yang sama dikehendaki ditandatangani setiap tahun sebagai peringatan. Akuan-akuan yang telah ditandatangani dan disaksikan hendaklah disimpan oleh Ketua-ketua Jabatan yang bertanggungjawab untuk menentukan semua penjawat awam berbuat demikian.*

3. Sehubungan itu, semua Rektor Kampus, Dekan Fakulti, Ketua Jabatan/Bahagian dan Ketua Pusat/Unit diminta mengedarkan Borang Perakuan Untuk Ditandatangani Oleh Penjawat Awam Berkenaan Dengan Akta Rahsia Rasmi 1972.

4. Borang yang telah ditandatangani hendaklah disimpan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing bagi tujuan rujukan di jabatan. Kerjasama YBhg. Datuk/Datin Paduka/Prof/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar

  
NOOR HIDAYAT ADNAN  
Ketua Pustakawan

s.k. Y. Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan Said  
Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA

disertakan...



**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PENJAWAT AWAM  
BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikannya, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkahlaku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikannya, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Tandatangan: .....

Nama dengan huruf besar: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Jawatan: .....

Jabatan: .....

Tarikh: .....

Disaksikan Oleh: .....  
(Tandatangan)

Nama dengan huruf besar: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Jawatan: .....

Jabatan : .....

Tarikh: .....

Cop Jabatan : .....

**TERHAD**